

21 JUN 2001

Mahathir-Bidas

DR MAHATHIR BIDAS PAS KERANA CARI "MAT SALLEH"

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas PAS kerana cuba mendapatkan bantuan daripada "Mat Salleh" bagi menyelesaikan masalah orang tempatan.

"Pergi mendapatkan bantuan daripada orang putih bagi menyelesaikan masalah orang kita, merupakan tindakan yang kita lakukan lama dahulu dan idea itu sudah tidak lagi dipakai," katanya pada sidang media di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab satu soalan oleh seorang wartawan asing mengenai kunjungan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor ke Australia baru-baru ini dan bertemu Menteri Luar negara itu Alexander Downer.

"Kita boleh menyelesaikan masalah kita sendiri tanpa bantuan luar. Tetapi orang ini masih hidup pada zaman silam, Mereka adalah PAS. Mereka berpendapat orang kulit putih boleh menyelesaikan masalah kita pada bila-bila masa," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Malaysia bimbang dengan kunjungan itu, Dr Mahathir menjawab tidak.

Ketika menjawab soalan yang berkaitan, Perdana Menteri berkata Australia patut menyelesaikan masalah mereka sendiri dan tidak campur tangan dengan hal ehwal negara luar.

"Di penjara Australia, ada 17 banduan Orang Asli bagi setiap seorang kulit pulih rakyat Australia. Australia wajar memikirkan perkara ini," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau menegur kelemahan Melayu semasa ucapan dasarnya kerana kaum itu beranggapan mereka merasa selamat walau apa pun kerajaan yang memerintah.

"Jangan percaya walau apa pun berlaku, mereka tetap akan selamat," katanya.

Beliau berkata sistem kuota keistimewaan orang Melayu tidak kekal selama-lamanya dan mereka perlu merebut peluang yang ada untuk memajukan diri.

-- BERNAMA

JM ZS LAT